

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI RABU, 3 JULAI 2019, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 23**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1422-L05567  
**Puan Kasthuriraani A/P Patto [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha yang sedang dilakukan oleh Kerajaan Malaysia dalam menangani kes 831 kanak-kanak dan remaja yang hilang dalam tempoh 9 tahun ini dan apakah usaha jangka pendek dan jangka panjang yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menangani masalah ini dan untuk menggalakkan penglibatan masyarakat untuk melindungi anak-anak kita.
  
2. PR-1422-L04934  
**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [ Kota Tinggi ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk meminda Akta Perikanan sedia ada bagi menangani pencerobohan nelayan-nelayan asing masuk ke perairan negara seterusnya mengenakan hukuman yang agak berat ke atas pelaku.
  
3. PR-1422-L05276  
**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [ Lembah Pantai ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dasar Kerajaan dan institusi seperti Bank Negara Malaysia terhadap penggunaan teknologi "*e-Wallet*" serta "*cryptocurrency*", serta langkah-langkah yang akan diambil untuk menjamin keselamatan ekonomi negara melalui penggunaan teknologi-teknologi baharu seperti ini.

4. PR-1422-L05734  
**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah maksud "*we can't fight them*" yang diucapkan di sidang Kemuncak Keselamatan Asia ke-18 baru-baru ini. Apakah bermaksud Malaysia tidak berupaya untuk menjaga pertahanan serta keselamatan dengan merendahkan keupayaan ketenteraan negara dan apakah negara tidak mampu untuk menghalau sekiranya berlaku pencerobohan perairan dari negara Asia lain disebabkan negara tidak mempunyai teknologi pertahanan yang boleh menyaingi mereka.
5. PR-1422-L05310  
**Tuan Wong Ling Bui [ Sarikei ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah yang telah dilakukan setakat ini dengan teknologi 5G. Adakah kita mempunyai kepakaran melaksanakannya.
6. PR-1422-L04483  
**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [ Pasir Salak ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan laporan kejayaan Program Tanaman Kontan yang telah dilaksanakan oleh petani sebagai langkah meningkatkan pendapatan mereka.
7. PR-1422-L04344  
**Dato' Sri Dr. Santhara [ Segamat ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan menerangkan perbezaan kelayakan diantara STPM dan Matrikulasi dan di mana di antara kelayakan ini akan di beri keutamaan untuk kemasukkan ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam. Mohon Kementerian menjelaskan pembahagian di antara kedua-dua kelayakan ini dalam kuantitatif dan statistik, turut diminta sertakan nisbah pembahagian dan justifikasi keputusan yang diambil oleh Kementerian.
8. PR-1422-L05570  
**Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [ Cameron Highlands ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan di dalam isu ramai kematian Orang Asli Kuala Koh Gua Musang Kelantan baru-baru ini adakah PDRM membuka apa-apa siasatan Laporan Mati Mengejut (SDR) memandangkan ianya kejadian luar biasa dengan kematian yang begitu ramai sebagaimana dilaporkan akhbar (14 kematian) atas sebab yang tidak diketahui dalam jangka masa pendek, jika tiada. Apakah sebabnya tiada siasatan Laporan Mati Mengejut (SDR) dibuka sebagaimana peruntukan undang-undang Kanun Prosedur Jenayah dibawah Seksyen 328 dan 329.

9. PR-1422-L04384  
**Tuan Hassan bin Abdul Karim [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengelakkan supaya kejadian kecuiaan Tenaga Nasional Berhad (TNB) tidak berlaku lagi yang telah menyebabkan bil elektrik tinggi dialami oleh pengguna-pengguna.
  
10. PR-1422-L05272  
**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [ Kuala Terengganu ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan penjelasan tentang program Inisiatif Keselamatan Maritim (MSI) yang diusahakan oleh Washington. Senaraikan agensi penguatkuasaan yang menerima manfaat di bawah program ini dan apakah bentuk manfaat yang diterima.
  
11. PR-1422-L04568  
**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [ Wangsa Maju ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan keperluan untuk memperluaskan inisiatif bagi penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) yang layak menerima Skim Perlindungan Nasional B40 (mySalam) bagi manfaat anak-anak penerima bantuan yang telah disahkan menghidap penyakit tertentu atau terpaksa mendapatkan rawatan di hospital.
  
12. PR-1422-L04922  
**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [ Sibuti ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menangani masalah buli terhadap orientasi seksual pelajar dan apakah langkah Kementerian mengurus masalah isu orientasi seksual secara berhemah.
  
13. PR-1422-L05614  
**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [ Masjid Tanah ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah terkini yang diambil oleh PDRM dalam usaha mengatasi masalah kehilangan kanak-kanak yang semakin meningkat saban tahun.
  
14. PR-1422-L05401  
**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [ Pasir Puteh ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan status Projek Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) yang dilaksanakan Tenaga Nasional Bhd (TNB) dalam segmen jalur lebar talian tetap di Malaysia dan projek-projek lain yang sedang dibangunkan oleh syarikat telekomunikasi lain serta apakah impak langsung terhadap Telekom Malaysia Bhd (TM) sebagai penyedia jalur lebar tetap terbesar negara kini.

15. PR-1422-L05080  
**Puan Hajah Natrah binti Ismail [ Sekijang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan usaha Kementerian yang sedia ada mahupun pelan masa hadapan untuk merealisasikan janji bagi memastikan sekurang-kurangnya 30 peratus perwakilan wanita sebagai pembuat dasar di setiap peringkat pentadbiran.
16. PR-1422-L04943  
**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [ Padang Besar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) berapakah jumlah kemalangan jalan raya yang direkodkan sepanjang bulan Ramadhan dan Syawal tahun ini; dan
  - (b) berapakah jumlah saman dan notis yang telah dikeluarkan melalui sekatan jalan raya, operasi had laju dan AES.
17. PR-1422-L05700  
**Tuan Willie anak Mongin [ Puncak Borneo ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) 2019 fasa kedua dan BSH 2019 fasa pertama. Bagaimana Kerajaan mengenal pasti penerima BSH memenuhi kelayakan dan bagaimana Kerajaan boleh menambahbaik cara-cara pembayaran BSH kepada penerima, khususnya kepada penerima dari kawasan luar bandar.
18. PR-1422-L04902  
**Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub [ Machang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian akan tetap meneruskan sistem kuota bagi Bumiputera untuk kemasukan ke universiti, kemahiran, dan lain-lain institut pengajian tinggi ataupun menghapuskan sistem kuota dan memperkenalkan sistem yang baharu.
19. PR-1422-L05282  
**Tuan Mordi Bimol [ Mas Gading ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan dalam mengawal kes-kes pengedaran dan pengambilan dadah yang kian menular di kawasan pedalaman dan kini dianggap gagal dikawal oleh pihak berkuasa.
20. PR-1422-L05495  
**Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [ Paya Besar ]** minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan :-
- (a) apakah kandungan terperinci syarat-syarat oleh Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA) kepada pihak Lynas berhubung lesen pengurusan sisa radioaktif (WLP); dan

(b) adakah tindakan pemulangan sisa WLP balik negara Australia menjadi syarat utama berhubung syarat pembaharuan lesen LPTA tersebut.

21. PR-1422-L05180

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [ Permatang Pauh ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan serta menggalakkan program rehabilitasi dan pengurangan kemudaratan di Malaysia, memandangkan 73% banduan di Malaysia dipenjarakan atas kesalahan penyalahgunaan dadah menurut laporan daripada Jabatan Penjara.

22. PR-1422-L05358

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [ Jasin ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan usaha SKMM memperkenalkan MSAP menyebabkan penurunan harga yang mendadak untuk perkhidmatan internet jalur lebar. Walaupun langkah ini menguntungkan pihak pengguna, namun apakah impak sebaliknya kepada keseluruhan industri telekomunikasi di negara ini.

23. PR-1422-L04967

**Tuan Charles Anthony Santiago [ Klang ]** minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan pihak mana yang akan membayar kos-kos untuk menghantar kembali sisa-sisa plastik di Malaysia ke negara asal. Dan apakah cadangan Kementerian untuk menangani masalah sisa-sisa plastik secara keseluruhan, termasuk kawalan dan penguatkuasaan pihak kastam dan pelabuhan.

24. PR-1422-L05715

**Tuan Khairy Jamaluddin [ Rembau ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah status pelaksanaan pemberian subsidi petrol secara bersasar yang sepatutnya dimulakan pada suku kedua 2019 dan apakah kriteria kelayakan yang telah dimuktamadkan kepada golongan sasaran ini.

25. PR-1422-L04602

**Tuan Yamani Hafez bin Musa [ Sipitang ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan usaha untuk menarik pelaburan langsung asing (FDI) dari negara seperti China, ke Taman Perindustrian Sipitang di mana letaknya projek terbesar negara, iaitu Sabah Ammonia Urea (SAMUR).

26. PR-1422-L04677  
**Dato' Dr. Noraini Ahmad [ Parit Sulong ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sejauh manakah penggunaan teknologi Huawei 5G mampu mempertingkatkan daya saing perniagaan perusahaan tempatan dan apakah solusi terbaik daripada Kerajaan dalam memastikan industri-industri tempatan tidak dianaktirikan di peringkat global berikutan pendirian Kerajaan untuk memanfaatkan teknologi Huawei sebanyak mungkin.
27. PR-1422-L04649  
**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [ Bagan Serai ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejak bilakah penyakit *Bacteria Penicle Blight* (BPB) mula menyerang padi di negara ini, negeri manakah yang teruk dilanda penyakit ini dan apakah tindakan Kementerian bagi menyelesaikan masalah ini yang tentunya akan menggugat pendapatan pesawah-pesawah padi.
28. PR-1422-L05364  
**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [ Jasin ]** minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan adakah Kementerian bercadang dengan pasaran dan dagangan tanpa sempadan sekarang, untuk membuka pasaran "*retail*" selain daripada TNB bagi memberi perkhidmatan bekalan elektrik dengan tarif yang lebih kompetitif seperti sektor komunikasi.
29. PR-1422-L04757  
**Dato' Rosol bin Wahid [ Hulu Terengganu ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan rasional cadangan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) membeli pesawat tempur terpakai F-18 Hornet Eks Kuwait dan mengapa masih belum ada maklum balas kerajaan ke atas cadangan ini.
30. PR-1422-L05305  
**Dato' Sri Azalina Othman Said [ Pengerang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik terkini untuk laporan kes kanak-kanak hilang mengikut tahun dan daripada jumlah tersebut berapa ramaikah kanak-kanak yang telah ditemui dari eksploitasi seksual dan pemerdagangan manusia.
31. PR-1422-L05609  
**Tuan Muslimin bin Yahaya [ Sungai Besar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah mata pelajaran vokasional (MPV) diperluaskan di semua sekolah khusus untuk bagi peluang kepada yang tidak berminat dalam bidang akademik.

32. PR-1422-L04576  
**Dato' Sri Hasan bin Arifin [ Rompin ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan Falsafah Pendidikan Kebangsaan telah lama dibubar dan sekarang ini seolah-olah telah lama dilupakan. Adakah Kementerian bercadang untuk menjelaskan dan memperkasakan lagi Falsafah Pendidikan sebagai satu strategi dan matlamat negara.
33. PR-1422-L05008  
**Tuan Chang Lih Kang [ Tanjong Malim ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jumlah pesawah padi yang berada di bawah paras kemiskinan dan langkah-langkah untuk menambah pendapatan para pesawah.
34. PR-1422-L04410  
**Dr. Azman bin Ismail [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan nilai pelaburan (FDI) yang masuk ke Malaysia bagi tahun 2017, 2018 dan 2019 mengikut negara pelabur. Apakah kita ada strategi khusus bagi menarik pelabur yang terkesan kerana perang dagang Amerika Syarikat-China ke Malaysia.
35. PR-1422-L05702  
**Tuan Willie anak Mongin [ Puncak Borneo ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-
- (a) secara terperinci senarai sekolah-sekolah daif di kawasan Parlimen Puncak Borneo; apakah pelan-pelan pembangunan dan penaik-tarafan sekolah-sekolah ini dan bila ia akan dilaksanakan; dan
  - (b) bilakah bekalan elektrik Sekolah SK Kambug akan disambung untuk menggantikan bekalan menggunakan Genset yang mahal dan tidak konsisten.
36. PR-1422-L04500  
**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [ Kepala Batas ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan kepada Dewan Rakyat berkenaan kedudukan dan pendirian Malaysia berkait isu keselamatan yang telah dikongsi sewaktu *Asia Security Summit Shang-ri La Dialogue* di Singapura.
37. PR-1422-L05544  
**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [ Tanah Merah ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah terbaru Kementerian dalam menangani banjir warga asing terutamanya daripada Afrika yang dikatakan banyak melakukan jenayah di negara ini.

38. PR-1422-L04657  
**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah peruntukan yang disediakan oleh Kementerian bagi tujuan pembangunan serta pemerkasaan Sekolah Agama seluruh negara serta berapakah peruntukan yang telah dibelanjakan. Apakah cadangan Kementerian dalam membantu pengurusan pihak Sekolah Agama Rakyat seluruh negara secara holistik.
39. PR-1422-L04570  
**Tuan Khoo Poay Tiong [ Kota Melaka ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan Kerajaan telah mengkaji semula SOP mengenai pemberian kewarganegaraan seperti yang diumumkan oleh menteri pada bulan April 2019, dan apakah pembaharuan- pembaharuan yang telah dilakukan dalam SOP ini.
40. PR-1422-L04625  
**Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [ Besut ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil ke atas empat orang ahli akademik yang terlibat dalam menasihati Majlis Raja-Raja untuk menolak Statut Rom Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC).
41. PR-1422-L04387  
**Tuan Anyi Ngau [ Baram ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah permohonan dokumen peribadi (kad pengenalan dan sijil beranak) yang diterima/lulus/tolak di kawasan Baram sejak 2017 sehingga 2019.
42. PR-1422-L04773  
**Tuan Chow Kon Yeow [ Tanjong ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah pendekatan yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan berhubung penolakan permohonan pinjaman oleh pihak bank khususnya di kalangan pembeli rumah kali pertama membabitkan unit perumahan kos rendah, sederhana rendah dan mampu milik. Perincian perancangan bagi mengatasi dilema ini.
43. PR-1422-L05554  
**Datuk Seri M. Saravanan [ Tapah ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah faktor utama mengakibatkan permohonan kewarganegaraan ditolak oleh pihak Kementerian dan adakah terdapat pertimbangan yang sewajarnya telah dibuat oleh Kementerian sebelum memberikan kelayakan kewarganegaraan.

44. PR-1422-L04369  
**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [ Tebrau ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebab-sebab kaunter imigresen di CIQ JB dan Second Link selalu menjadi punca kesesakan di Tambak Johor dan Second Link dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menyenangkan orang-orang yang keluar masuk melalui dua "*check points*" tersebut.
45. PR-1422-L04903  
**Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub [ Machang ]** minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan adakah sudah terdapat sebarang kajian yang dilakukan berkenaan tahap keselamatan kepada penduduk dan kesan kepada alam sekitar, sebelum Kementerian mengumumkan untuk meneruskan projek Lynas pada Mei 2019 yang lalu.
46. PR-1422-L04523  
**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kapar ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah sebenar hutang negara mengikut pecahan tunai dan liabiliti dan setakat berapakah jumlah hutang 1MDB yang telah dibayar oleh Kerajaan.
47. PR-1422-L05481  
**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan :-
- (a) apakah isi kandungan memorandum persefahaman (MoU) antara Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dengan China Communication Construction Company Ltd (CCCC) yang dimeterai di Beijing, China pada 25 April 2019; dan
  - (b) adakah wujud pengurniaan tanah milik Kerajaan kepada CCCC dan syarikat manakah yang dipertanggungjawabkan untuk mengawalselia projek tersebut.
48. PR-1422-L04975  
**Puan Maria Chin binti Abdullah [ Petaling Jaya ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pertimbangan supaya rekod jenayah berkaitan ketagihan dadah bagi pesakit yang telah sembuh atau pun yang sedang menjalani proses pemulihan jangka masa panjang dilupuskan untuk memudahkan mereka mengelakkan prejudis dan mendapat pekerjaan tetap.

49. PR-1422-L04866  
**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Mohamed Said [ Kuala Krau ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tentang keputusan Kementerian yang telah menghapus kira pinjaman yang diberi kepada Kerajaan negeri bagi projek bekalan air luar bandar pada 2001 dan ke atas. Berapakah hutang pinjaman Kerajaan Negeri Pahang yang telah dihapus kira Kerajaan Persekutuan.
50. PR-1422-L04715  
**Dato' Mansor Othman [ Nibong Tebal ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan perancangan dan strategi pelaksanaan Kerajaan bagi mempertingkatkan pendapatan dan taraf sosioekonomi golongan pesawah padi di seluruh negara.
51. PR-1422-L05012  
**Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad [ Lipis ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status terkini jumlah kutipan Tabung Harapan dan ke manakah duit kutipan dari rakyat itu dibelanjakan ataupun digunakan.
52. PR-1422-L05536  
**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [ Tanah Merah ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejauh manakah seriusnya masalah penyelewengan baja subsidi yang dikatakan dikuasai oleh kartel.
53. PR-1422-L04914  
**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [ Kubang Kerian ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah terma dan syarat yang dikenakan oleh Amerika Syarikat berhubung 12 dron percuma yang diterima oleh Malaysia dan apakah jaminan tiadanya rahsia keselamatan negara jatuh kepada pihak luar melalui pemasangan cip rahsia pada dron tersebut.
54. PR-1422-L05262  
**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [ Kuala Terengganu ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat untuk mengadakan Kertas Putih bagi menyemak balik dasar fiskal negara agar bersesuaian dengan konteks semasa.

55. PR-1422-L04654  
**Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [ Hulu Rajang ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sekiranya pihak Kementerian bercadang untuk menambah bilangan rumah-rumah panjang untuk menerima projek Wifi Komuniti terutama sekali rumah-rumah panjang yang terletak di kawasan Parlimen Hulu Rajang.
56. PR-1422-L05281  
**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [ Kuala Terengganu ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan penjelasan berkenaan isu pemecatan pegawai tertinggi MIMOS sepertimana yang didedahkan oleh Parti Negara pada 10 Jun 2019 lalu.
57. PR-1422-L05079  
**Puan Hajah Natrah binti Ismail [ Sekijang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapakah wanita yang melahirkan anak di Malaysia boleh mendapatkan taraf kewarganegaraan sedangkan wanita yang berstatus warganegara yang dilahirkan di luar negara tidak boleh mendapatkan status warganegara untuk anak yang dilahirkan.
58. PR-1422-L04730  
**Tan Sri Noh bin Haji Omar [ Tanjong Karang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah warga asing yang telah berjaya mendapat status warganegara dari bulan Jun 2018 hingga Jun 2019 mengikut negara asal mereka.
59. PR-1422-L04812  
**Tuan Ahmad Johnie bin Zawawi [ Igan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimana status pembinaan SMK Matu, Bahagian Mukah. Bilakah pembinaannya akan dilaksanakan dan berapakah kos yang terlibat.
60. PR-1422-L04626  
**Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [ Mersing ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah status perolehan "*light attack helicopter*" yang sepatutnya dijangka diterima dalam tahun 2019 ini. Apakah masalah dan tindakan Kementerian mengenai perolehan berkenaan.
61. PR-1422-L04378  
**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [ Bera ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan berapakah jumlah peratusan prestasi internet ke luar bandar sehingga kini dan apakah usaha pihak Kementerian untuk mempertingkatkannya.

62. PR-1422-L04428  
**Tuan Ahmad bin Hassan [ Papar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang perlu diambil oleh Kementerian untuk mengatasi permasalahan kekurangan peralatan-peralatan operasi yang sedang dihadapi oleh IPD di Sabah. Ada di antara mereka terpaksa membeli komputer riba sendiri yang berkelajuan tinggi untuk membuat laporan/kerja penyiasatan dan membeli penyejuk udara untuk keselesaan menjalankan tugas.
63. PR-1422-L04937  
**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [ Kota Tinggi ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah tarikh akhir untuk Kementerian membentangkan pelan tindakan berhubung kebolehpasaran graduan dalam bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) dan semua program di Institusi Pengajian Tinggi (IPT).
64. PR-1422-L04315  
**Tuan Wong Hon Wai [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana kejayaan Program Pendedahan Sukarela Khas (*Special Program for Voluntary Discolure-SVDP*) dan berapa jumlah kutipan cukai yang dibuat serta berapa bilangan pembayar cukai individu dan syarikat.
65. PR-1422-L05385  
**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [ Bachok ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh mana Program Gerak Sedar Bersepadu (PROGRES) di peringkat sekolah dapat mengurangkan keterlibatan para pelajar dengan dadah.
66. PR-1422-L05629  
**Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) sehingga Mac 2019 berapakah jumlah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang telah didaftar dengan kaedah Pendaftaran Kad Sementara atau E-Kad, mengikut negara asal dan kategori pekerjaan ; dan
  - (b) apakah Kerajaan mempunyai rancangan menggunakan mereka ini untuk memenuhi keperluan tenaga kerja daripada mengambil pekerja asing yang baru yang dibawa dari luar negara.

67. PR-1422-L05478  
**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-
- (a) jumlah permohonan, tempat ditawarkan dan jumlah pelajar yang berdaftar ke Program Matrikulasi KPM mengikut pecahan kaum setiap tahun dari 2013 hingga 2019; dan
  - (b) nyatakan kekosongan tempat yang tidak dapat diisi (sekiranya ada) berdasarkan pecahan kaum bagi aliran Sains dan Perakaunan dari tahun 2013 sehingga 2019.
68. PR-1422-L05476  
**Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [ Tampin ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk membudayakan pembelajaran sepanjang hayat di kalangan rakyat Malaysia supaya dapat memenuhi tuntutan perubahan landskap sosial dan ekonomi semasa.
69. PR-1422-L05546  
**Datuk Seri M. Saravanan [ Tapah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa buah sekolah Tamil di seluruh negara yang telah dibina oleh Kerajaan Pakatan Harapan sepanjang pemerintahan serta berapa buah sekolah Tamil yang turut dibina di Pulau Pinang dan senaraikan sekolah tersebut.
70. PR-1422-L05455  
**Datuk Rozman bin Isli [ Labuan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah kelulusan untuk kemudahan VOA (*Visa on arrival*) bagi Labuan dapat diberikan memandangkan ramai pelancong asing yang berada di Brunei Darussalam terutamanya dari China ingin memasuki Labuan pada ketika ini.
71. PR-1422-L04506  
**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [ Kepala Batas ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan kesediaan Malaysia menjadi *hub* strategik industri berasaskan data, analitik dan '*artificial intelligence*' dalam masa terdekat ini. Berapa sasaran FDIs bidang ini dalam tempoh 5 tahun.
72. PR-1422-L04459  
**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [ Jelutong ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah Kerajaan Pakatan Harapan dapat menjimatkan dan mengurangkan kos sebanyak RM15.02 bilion untuk projek LRT 3, RM8.8 bilion untuk projek MRT 2 dan RM21.5 bilion untuk projek ECRL (*East Coast Railway Link*).

73. PR-1422-L04838  
**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [ Lenggong ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah perkembangan kajian untuk menggubal undang-undang bagi menangani penyalahgunaan media sosial dan apakah perbezaannya dengan Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar yang dimansuhkan sebelum ini.
74. PR-1422-L05356  
**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [ Beaufort ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan pelan perancangan Kementerian dalam menarik minat lebih ramai lagi golongan muda menceburi bidang usahawan pertanian terutamanya kawasan luar bandar bagi mengukuhkan lagi sektor pertanian di negara kita.
75. PR-1422-L05681  
**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili [ Kota Marudu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa banyak sijil kelahiran lewat telah dikeluarkan kepada pemohon-pemohon di Sabah bagi tahun 2015, 2016, 2017 dan 2018. Berikan pecahan mengikut daerah-daerah di Sabah.
76. PR-1422-L04488  
**Tuan Chan Ming Kai [ Alor Setar ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada perniagaan di sempadan negara yang jual beli dengan penggunaan wang asing merupakan suatu kesalahan dan adakah amaran akan diberi sebelum didakwa di mahkamah.
77. PR-1422-L04564  
**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [ Wangsa Maju ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil terutama oleh para guru dalam membendung isu polarisasi kaum dalam melaksanakan sistem pendidikan yang setara di seluruh Malaysia.
78. PR-1422-L04861  
**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Mohamed Said [ Kuala Krau ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang telah diterima oleh Kementerian ini melalui Bajet 2019. Nyatakan ke mana peruntukan tersebut dibelanjakan.

79. PR-1422-L04771

**Tuan Chow Kon Yeow [ Tanjong ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah hutang Kerajaan-kerajaan Negeri yang bakal dihapuskan melibatkan penghijrahan aset air kepada Pusat sebagaimana diumumkan sebelum ini. Senaraikan jumlah hutang terkumpul Kerajaan-kerajaan Negeri kepada Pusat sehingga Mei 2019 dan berapakah tunggakan pembayaran tahunan yang sepatutnya dibayar oleh setiap pihak-pihak berkaitan.

80. PR-1422-L04846

**Tuan Haji Awang bin Hashim [ Pendang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perkara yang telah dikurangkan dalam pembayaran pajakan PPP dan lain-lain liabiliti sehingga menjadi 15% pada tahun 2018 berbanding 22% pada tahun 2017.

81. PR-1422-L05323

**Tuan Lim Kit Siang [ Iskandar Puteri ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan rancangan Kerajaan untuk menaik taraf dan membaik pulih kuarters-kuarters kediaman anggota PDRM sedia ada yang telah usang.

82. PR-1422-L04709

**Tuan Pang Hok Liang [ Labis ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan :-

- (a) sama ada Majlis Media Malaysia (*Malaysia Media Council*) telah ditubuhkan dan tarikh penubuhannya; dan
- (b) dengan adanya Majlis Media Malaysia, sama ada Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (*Printing Presses and Publication Act 1984*) akan dimansuhkan.

83. PR-1422-L04801

**Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [ Parit ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) adakah Kementerian bersedia untuk membentangkan dapatan pandangan melalui Kertas Konsultasi Rakyat (KKR) yang disediakan oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN); dan
- (b) apakah cadangan terbaik yang akan digunakan oleh PTPTN sebagai mekanisme pembayaran balik PTPTN.

84. PR-1422-L05603  
**Tuan Wong Tack [ Bentong ]** minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan mengapa AELB tidak menguatkuasakan perintah Menteri MITI, MOSTI, Kesihatan dan Sumber Asli (yang disokong Kabinet) yang dikeluarkan melalui kenyataan bersama pada 22 Februari, 10 Disember dan 12 Disember tahun 2012 bahawa Lynas mesti mengeluarkan kesemua sisa yang dihasilkan dari Malaysia.
85. PR-1422-L05692  
**Tuan Yusuf bin Abd. Wahab [ Tanjong Manis ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah peruntukan untuk pembinaan ban pertanian di kawasan seberang Bandar Sarikei (Parit Bugis dan Muara Payang) dan juga di seberang Bandar Bintangor (Sungai Selidap dan Sungai Sian). Untuk makluman, kawasan-kawasan ini telah dikenalpasti sebagai "*fruit basket*" yang berpotensi untuk dimajukan.
86. PR-1422-L04527  
**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kapar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan untuk mengkaji kedudukan pegawai polis di peringkat bawah untuk kenaikan pangkat mereka.
87. PR-1422-L04901  
**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [ Dungun ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan hutang negara terkini pada 31 Mei 2019 dan nyatakan jumlah kemasukan pelabur luar ke negara kita setakat ini.
88. PR-1422-L04566  
**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [ Wangsa Maju ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan garis panduan yang digunapakai oleh Jabatan Imigresen mengenai pendaftaran kewarganegaraan di bawah Perkara 15 (2) Perlembagaan Persekutuan dan garis panduan mengenai penerbitan kewarganegaraan di bawah Perkara 18 Perlembagaan Persekutuan.
89. PR-1422-L04499  
**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [ Kepala Batas ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status kemandirian dan "*sustainability*" Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN). Mohon dinyatakan jumlah keseluruhan/peratusan peminjam mengikut kategori seperti bekerja, tidak pernah membayar; bekerja, tidak mampu bayar - yang ada pada ketika ini.

90. PR-1422-L05333  
**Tuan Wong Kah Woh [ Ipoh Timur ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan hutang negara terkini berbanding dengan tahun-tahun lepas, dan apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk mengawal peningkatan hutang negara seperti yang dilaporkan.
91. PR-1422-L04554  
**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [ Bagan Datuk ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah terkini penerima yang menerima manfaat Bantuan Sara Hidup 2019, dan adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan bagi menukar kaedah pemberian BSH ini bagi mengelakkan isu kelewatan bantuan daripada berulang.
92. PR-1422-L04392  
**Tuan Anyi Ngau [ Baram ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah peruntukan kewangan dan jumlah penerima program Bantuan Sara Hidup (BSH) di Sarawak. Nyatakan kriteria penerima-penerima BSH.
93. PR-1422-L05032  
**Puan Nor Azrina binti Surip [ Merbok ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bentuk kerjasama dengan Kementerian Kesihatan dalam memastikan tempoh pengesanan dadah para OKT dapat disegerakan dan lebih singkat.
94. PR-1422-L04910  
**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [ Kubang Kerian ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status guru J-Qaf terkini, bilangan yang diserap sebagai guru Kementerian dan adakah pihak KPM berhasrat mewujudkan kembali sistem ini serta melebarkannya ke peringkat sekolah menengah.
95. PR-1422-L05687  
**Tuan Yusuf bin Abd. Wahab [ Tanjong Manis ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapa jumlah peruntukan kepada kaum nelayan untuk mendapatkan bot "*fiber*" dan enjin sangkut, bagi menyara kehidupan mereka.
96. PR-1422-L05664  
**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [ Tasek Gelugor ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status penyelesaian isu pertukaran dan permohonan pindah '*Guru Duka Lara*' dan status kuarters-kuarters guru yang tidak didiami di seluruh negara.

97. PR-1422-L05097  
**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [ Pengkalan Chepa ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah syarat atau kriteria dalam menilai keutamaan kelulusan permohonan pertukaran guru-guru terutamanya daripada wilayah Sabah dan Sarawak ke negeri-negeri di Semenanjung.
98. PR-1422-L04713  
**Tuan Pang Hok Liong [ Labis ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-
- (a) apakah hasil siasatan PDRM dan SPRM susulan pengantungan Operasi Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) pada 1 Jun 2018 kerana berlakunya penyalahgunaan kuasa dan ketirisan dananya; dan
  - (b) apakah tindakan diambil oleh Kementerian terhadap pemimpin-pemimpin NAFAS yang mengakibatkan pengantungannya.
99. PR-1422-L05133  
**Tuan Arthur Joseph Kurup [ Pensiangan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah yang diambil untuk menaik taraf bekalan elektrik di bangunan SMK Sapulut yang masih bergantung kepada genset diesel.
100. PR-1422-L05558  
**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ Sibul ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah tindakan akan diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah perkhidmatan POS Malaysia di Sibul yang tidak memuaskan. Banyak aduan sudah dilaporkan bahawa penghantaran surat selalu ditangguhkan, ia mengambil 3 bulan untuk surat dari KL untuk sampai ke kediaman Sibul.
101. PR-1422-L04815  
**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [ Ketereh ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh mana kesediaan Kementerian dalam melaksanakan Dasar Pendidikan Percuma dan bilakah ianya akan dilaksanakan.
102. PR-1422-L05526  
**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [ Ledang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan silibus mata pelajaran Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil di sekolah kebangsaan seperti mana silibus mata pelajaran Bahasa Arab yang telah dimasukkan di dalam silibus pendidikan darjah 1.

103. PR-1422-L04900

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [ Dungun ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sikap Kerajaan Malaysia dalam tuntutan bertindih Pulau Spratly dalam menghadapi pengaruh ketenteraan negara asing di Laut China Selatan berhampiran perbatasan perairan negara khususnya konflik US - China.

104. PR-1422-L04972

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [ Jeli ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan peranan agensi seperti BERNAMA, Jabatan Penerangan dan Jabatan Penyiaran dalam menghebahkan dasar-dasar Kerajaan dan menjelaskan isu-isu semasa seperti pemulihan FELDA, Tabung Haji dan Khazanah Nasional.

105. PR-1422-L05507

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [ Kuala Krai ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) berapa bilangan pelajar matrikulasi di seluruh negara dan berapakah pecahan antara Bumiputera dan Bukan Bumiputera; dan
- (b) adakah penambahan pelajar matrikulasi sesuai dengan infrastruktur yang sedia ada di setiap matrikulasi seluruh negara.

106. PR-1422-L05140

**Puan Wong Shu Qi [ Kluang ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah-langkah menggalakkan petani dan peladang supaya mempelbagaikan tanaman untuk menurunkan risiko kebergantungan kepada satu jenis tanaman.

107. PR-1422-L04817

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [ Ketereh ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh mana Kerajaan mengambil serius dan memperhalusi cadangan untuk menaikkan gaji anggota polis terutamanya yang berpangkat rendah dan bilakah ianya akan dilaksanakan.

108. PR-1422-L05126

**Tuan Arthur Joseph Kurup [ Pensiangan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah yang diambil untuk mengatasi kes jenayah yang semakin meningkat di Sabah.

109. PR-1422-L05380  
**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [ Bachok ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan mekanisme bagi mengenal pasti dan mengawal kandungan di media sosial yang mempengaruhi kesihatan mental supaya dapat mengelak kes seperti jenayah dan bunuh diri daripada berlaku.
110. PR-1422-L04354  
**Tuan Jonathan Yasin [ Ranau ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan berapa luas capaian jalur lebar/jalur lebar laju (internet) di Sabah dan bilakah seluruh daerah Ranau dan Sabah akan mendapat capaian internet berkelajuan tinggi sepenuhnya memandangkan penggunaan internet sudah dikehendaki dipakai sepenuhnya oleh pihak sekolah namun masih ada sekolah-sekolah di daerah Ranau dan Sabah yang tidak mendapat liputan jalur lebar (internet) sepenuhnya.
111. PR-1422-L05468  
**Tuan Sabri bin Azit [ Jerai ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk meningkatkan pendapatan petani serta perancangan panjang untuk generasi muda yang terlibat dalam bidang pertanian.
112. PR-1422-L04813  
**Tuan Ahmad Johnie bin Zawawi [ Igan ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah skim-skim tanaman atau pertanian yang dilaksanakan di kawasan Parlimen P.207 Igan. Nyatakan jenis tanaman, keluasan dan kos yang terlibat.
113. PR-1422-L04962  
**Tuan Charles Anthony Santiago [ Klang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kesudian Kerajaan Malaysia untuk mengatasi isu anak-anak Malaysia tanpa kerakyatan, dengan draf undang-undang baharu, seperti Rang Undang-Undang Kewarganegaraan atau Pemastautin Tetap untuk memastikan mereka dapat peroleh akses kepada keperluan asas yang disediakan oleh Kerajaan.
114. PR-1422-L05171  
**Tuan Shahrizukir bin Abd. Kadir [ Setiu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mengurangkan yuran pengajian pelajar-pelajar IPT bagi mengurangkan jumlah pinjaman PTPTN dan apakah faktor utama pelajar tidak dapat menjelaskan pinjaman PTPTN.

115. PR-1422-L05200  
**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [ Sembrong ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah status terkini bagi Projek Penswastaan Membina dan Menyiapkan Kompleks 7 Briged Skudai di Lot 2967, 27633 dan 27634 Mukim Pulau Johor yang melibatkan jumlah tuntutan saman mahkamah bernilai RM1.48 bilion berikutan laporan JKSTUPKK menyatakan Kerajaan sedang mendapatkan nasihat Peguam Negara melalui surat yang dihantar pada 9 November 2018.
116. PR-1422-L04994  
**Tuan Charles Anthony Santiago [ Klang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kesudian Kementerian untuk memindahkan pengurusan pekerja asing termasuk kelulusan permit ke Kementerian Sumber Manusia dalam masa yang terdekat.
117. PR-1422-L04923  
**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [ Sibuti ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah langkah pihak Kementerian bagi memastikan kesemua syarikat telekomunikasi menyediakan perkhidmatan jalur lebar 4G setelah menara komunikasi didirikan bagi sesuatu kawasan terutama di kawasan luar bandar dan pedalaman Sarawak secara mandatori bagi memberi jaminan hak asasi rakyat mendapatkan perkhidmatan telekomunikasi.
118. PR-1422-L05078  
**Puan Hajah Natrah binti Ismail [ Sekijang ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan tindakan yang akan diambil oleh pihak Kementerian untuk mengelakkan orang ramai daripada menjadi mangsa 'scammers' yang semakin menjadi-jadi terutamanya yang melibatkan penipuan melalui alam maya.
119. PR-1422-L04326  
**Datuk Dr. Jeffrey Gapari Kitingan [ Keningau ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah Kerajaan akan mengkaji semula dan mengubah isi-isi kandungan dalam buku teks sejarah sekolah mengenai sejarah pembentukan Persekutuan Malaysia yang betul dengan rujukan kepada MA63.
120. PR-1422-L04432  
**Datin Mastura binti Mohd Yazid [ Kuala Kangsar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan universiti awam yang telah mewujudkan tabung wakaf atau tabung "endowment" supaya tidak terlalu bergantung kepada dana Kerajaan.

121. PR-1422-L05417  
**Tuan Su Keong Siong [ Kampar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan faktor penurunan jumlah murid-murid yang mengambil subjek-subjek Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) bagi tempoh tahun 2010 hingga 2018. Nyatakan peruntukan yang disediakan dan objektif kempen STEM4ALL yang telah dilancarkan oleh Kementerian Pendidikan.
122. PR-1422-L05165  
**Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [ Bukit Gantang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian terhadap bantuan atau biasiswa kepada rakyat Malaysia yang ingin menyambung pelajaran ke tahap yang lebih tinggi, iaitu Doktor Falsafah (Ph.D) dan Ijazah Sarjana memandangkan selepas ketiadaan MyBrain15.
123. PR-1422-L04490  
**Tuan Chan Ming Kai [ Alor Setar ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan mengapa harga belian racun seperti Akara (500g), Akess (300g), Rumputox (1kg) dan Nativo (250g) oleh MADA Corp dan NAFAS lebih mahal daripada harga pasaran dan beberapa tunggakan hutang kepada pembekal yang masih belum dijelaskan.
124. PR-1422-L04436  
**Datin Mastura binti Mohd Yazid [ Kuala Kangsar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kadar kematian akibat bunuh diri mengikut pola umur dan jantina pada tahun 2018.
125. PR-1422-L05034  
**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [ Batu Gajah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah Sekolah Kurang Murid (SKM) dalam kategori Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) mengikut negeri. Apakah usaha-usaha Kementerian yang berkesan dalam memperbaiki dan mempertingkatkan mutu pendidikan di Sekolah Kurang Murid supaya murid-murid ini tidak ketinggalan.
126. PR-1422-L05367  
**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk menaikkan gaji anggota polis berpangkat rendah supaya mampu menampung kos sara hidup terutama bagi mereka yang bertugas di bandar-bandar besar.

127. PR-1422-L04828

**Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [ Julau ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini penyiasatan kes pembunuhan Lans Koperal Valentino Mesa yang ditetak dan ditembak sehingga mati ketika bertugas di Balai Polis Pinggiran USJ, Shah Alam pada 31 Ogos 2017.

128. PR-1422-L04614

**Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [ Besut ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perkembangan status terkini pelaksanaan *Malaysia English Assessment* (MEA).

129. PR-1422-L05582

**Datuk Abd Rahim bin Bakri [ Kudat ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini pelaksanaan projek bina baru SMK Kanibongan, Pitas. Kenapakah sehingga kini bangunan ini gagal disiapkan sepenuhnya, apakah tindakan selanjutnya yang akan diambil oleh Kerajaan di dalam memastikan projek ini siap sepenuhnya.

130. PR-1422-L04620

**Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [ Besut ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kedudukan atau "*ranking*" terkini Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di peringkat global; dan nyatakan langkah-langkah terkini Kementerian bagi meningkatkan lagi kedudukan IPT negara pada masa hadapan.

131. PR-1422-L05201

**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah universiti asing yang membuka kampus luar negeri di Malaysia, nyatakan bilangan pelajar asing dan tempatan yang berdaftar masuk dan adakah mana-mana universiti Malaysia membuka kampus masing-masing diluar negeri, jika ada di mana, jika tiada, mengapa.

132. PR-1422-L05717

**Tuan Khairy Jamaluddin [ Rembau ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sejauh manakah tahap kesiap siagaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) merentasi pelbagai spektrum dalam menghadapi ancaman tradisional dan bukan tradisional dan apakah langkah-langkah mempertingkatkan keupayaan yang sedang dirancang dan dilaksanakan oleh ATM.

133. PR-1422-L05066  
**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan langkah yang diambil bagi meningkatkan tahap liputan komunikasi khususnya di kawasan pedalaman agar kes-kes kecemasan dapat dilaporkan segera kepada pihak berwajib.
134. PR-1422-L04628  
**Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [ Mersing ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan kaedah yang akan disusun oleh Kementerian ke arah pertanian moden bagi membantu menangani kemiskinan pesawah. Adakah subsidi pada akan ditamatkan setelah pertanian moden dilakukan.
135. PR-1422-L05251  
**Tuan Che Alias bin Hamid [ Kemaman ]** minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan pelan perancangan Kerajaan dalam memastikan isu tambak laut di Pulau Pinang tidak menjejaskan alam sekitar.
136. PR-1422-L05071  
**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [ Petrajaya ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan usaha yang telah dilaksanakan dalam meningkatkan penglibatan rakyat dalam bidang pertanian moden terutamanya bagi menyumbang kepada inisiatif jaminan makanan (*food security*) negara.
137. PR-1422-L05340  
**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [ Kuala Nerus ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan faktor yang menyebabkan kadar pemberian Bantuan Sara Hidup kepada individu bujang diberikan hanya sebanyak RM100 sahaja.
138. PR-1422-L05030  
**Puan Nor Azrina binti Surip [ Merbok ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha drastik Kementerian yang telah diambil untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga pengajar yang serius di sekolah-sekolah seluruh negara.
139. PR-1422-L04650  
**Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [ Hulu Rajang ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sekiranya pihak Kementerian bercadang untuk:-
- (a) membina menara komunikasi di Long Busang, Lusong Laku dan di Data Kakus ; dan

- (b) menaik taraf menara komunikasi di luar bandar seperti di Punan Bah, Belaga dan Nanga Stapang, Sg. Gaat, Baleh, Kapit kepada 4G.

140. PR-1422-L05579

**Puan Kasthuriraani A/P Patto [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan permohonan kewarganegaraan yang dalam proses mengikut pecahan etnik, umur dan jantina, apakah pembaharuan dalam SOP untuk memproses permohonan kewarganegaraan dan apakah KPI untuk satu permohonan yang lengkap memandangkan wujud pemohon yang perlu menunggu selama 50 tahun untuk memperoleh kewarganegaraan walaupun dengan dokumen lengkap.

141. PR-1422-L05108

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [ Pengkalan Chepa ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah penambahbaikan yang dirancang oleh Kementerian dalam menangani masalah kekurangan bekalan air ke sawah padi terutamanya musim kemarau:-

- (a) berapa jumlah peruntukan yang disalurkan bagi mengatasi masalah tersebut; dan
- (b) berapa jumlah kerugian yang ditanggung pesawah di Kelantan akibat kekurangan bekalan air pada musim lalu.

142. PR-1422-L04648

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [ Bagan Serai ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan mengapakah pesawah-pesawah padi memilih untuk menggunakan benih padi yang tidak sah dan apakah tindakan Kementerian untuk mencegah keadaan ini dari terus berleluasa.

143. PR-1422-L05291

**Puan Rubiah binti Haji Wang [ Kota Samarahan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status projek menaik taraf sekolah-sekolah daif di seluruh negeri Sarawak khasnya di Kota Samarahan.

144. PR-1422-L04339  
**Dato' Sri Dr. Santhara [ Segamat ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dengan lebih lanjut mengapakah mereka yang sudah berumur 60 tahun ke atas masih belum diberikan kad pengenalan biru walaupun mereka telah bermastautin di Malaysia selepas 10 tahun. Keadaan ini adalah sama juga bagi mereka yang telah berkahwin dengan warganegara Malaysia tetapi masih tidak mendapat kelulusan untuk Kad Permastautin Tetap.
145. PR-1422-L04382  
**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [ Bera ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jangkaan jumlah keuntungan kepada Kerajaan melalui Projek Bandar Malaysia dan Tun Razak Exchange apabila disiapkan nanti.
146. PR-1422-L04402  
**Dr. Azman bin Ismail [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah bentuk kejayaan Kerajaan di dalam industri perikanan laut dalam setakat ini.
147. PR-1422-L05122  
**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [ Batang Sadong ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tahap capaian internet di sekolah-sekolah di seluruh negara dan apakah tahap penggunaannya di sekolah-sekolah di Sarawak.
148. PR-1422-L05166  
**Puan Rusnah binti Aluai [ Tangga Batu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah hasil yang telah dicapai oleh pihak Kementerian, setelah kelonggaran untuk anak-anak yang tiada warganegara "*stateless children*" untuk bersekolah semenjak tahun lepas.
149. PR-1422-L05530  
**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [ Serian ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Tebedu, Sarawak akan dinaik taraf atau dibina baharu dan seterusnya akan dijadikan Zon Perdagangan Bebas (*Free Trade Zone*).
150. PR-1422-L05660  
**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [ Tasek Gelugor ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini Jawatankuasa Pemerkasaan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Malaysia (TVET) serta apakah kejayaan yang telah dicapai oleh jawatankuasa tersebut.

151. PR-1422-L04605  
**Tuan Yamani Hafez bin Musa [ Sipitang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah terkini penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) serta bayaran yang sudah dijelaskan oleh Kerajaan bagi tempoh 2018-2019 .
152. PR-1422-L05665  
**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [ Tasek Gelugor ]** minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan isu kenaikan tarif elektrik oleh TNB dan sejauh manakah perkara ini telah diatasi oleh pihak-pihak yang berkenaan.
153. PR-1422-L04365  
**Datuk Aaron Ago Dagang [ Kanowit ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status kewangan dan hutang negara sekarang dan berapakah jumlah hutang negara yang telah dibayar semenjak PH menjadi Kerajaan.
154. PR-1422-L05146  
**Puan Wong Shu Qi [ Kluang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah kos ditanggung oleh Kementerian untuk membayar kegunaan elektrik di semua sekolah Kerajaan dan sekolah bantuan Kerajaan setiap tahun dan kadar jimat jikalau sekolah-sekolah tersebut memasang sistem solar.
155. PR-1422-L05483  
**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status terkini berkaitan penjualan Bangunan Malaysia di Hong Kong melalui “tender terbuka” dan bilakah siaran pengiklanan dibuat:-
- (a) adakah nilai asas hartanah (*base price*) ditetapkan dan adakah ianya berdasarkan mana-mana laporan penilaian oleh firma penilaian; dan
  - (b) siapakah yang berjaya dalam bidaan tertinggi, berapakah pembayaran pendahuluan dibuat dan apakah bentuk pembayaran.
156. PR-1422-L04352  
**Tuan Jonathan Yasin [ Ranau ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah segera yang dibuat untuk memperbaiki dan menangani masalah sekolah-sekolah daif di Sabah yang dianggarkan lebih dari 700 ratus buah sekolah dan sekolah yang tidak selamat untuk diduduki seperti di SMK Kaingaran, Ranau.

157. PR-1422-L04873  
**Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [ Padang Terap ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan bagaimanakah prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia dengan sentimen berhati-hati di kalangan pelabur, di mana kita dapat lihat kini pertumbuhan ekonomi agak perlahan di kalangan pelabur swasta dan kadar FDI yang rendah, di samping faktor ketidakpastian harga minyak dunia dan faktor perang dagangan antara Amerika Syarikat dan China.
158. PR-1422-L05098  
**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [ Hulu Langat ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan penggantian kereta perisai jenis Commando V-150 milik PGA PDRM memandangkan usianya yang sudah terlalu lama dalam perkhidmatan.
159. PR-1422-L05635  
**Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [ Libaran ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perkembangan proses pembinaan bangunan Sekolah Menengah Kebangsaan Libaran dan jangkaan tempoh akan siap dibina memandangkan proses pembinaan adalah ke belakang dari jadual.
160. PR-1422-L04450  
**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kejayaan Operasi Selamat musim Hari Raya Aidilfitri terbaru dari segi kemalangan yang dapat dikurangkan, langkah mengatasi punca-punca kemalangan dan kesesakan lalu lintas di banyak lebuhraya.
161. PR-1422-L04332  
**Puan June Leow Hsiad Hui [ Hulu Selangor ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bagaimana Kementerian membantu petani dan nelayan menguasai penggunaan teknologi ekonomi digital untuk memasarkan produk mereka secara atas talian.
162. PR-1422-L04433  
**Tuan Ahmad bin Hassan [ Papar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa banyak peruntukan yang sudah diturunkan ke Sabah untuk tujuan pembaikan/pembinaan baru sekolah-sekolah daif yang banyak di Sabah. Kementerian mesti melihat perkara ini sebagai keutamaan supaya ia dapat diselesaikan dengan segera.

163. PR-1422-L04511  
**Tuan Karupaiya A/L Mutusami [ Padang Serai ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sama ada perang perdagangan antara Amerika Syarikat dan China yang semakin meningkat ketika ini memberi impak kepada industri pembuatan dan pembinaan negara kita dan apakah langkah pencegahan yang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi mengatasinya.
164. PR-1422-L05756  
**Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu [ Tambun ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perancangan Kementerian untuk menyelesaikan isu kerakyatan kanak-kanak pasangan yang bernikah di negara jiran yang kini agak ketara di negeri Perak antaranya.
165. PR-1422-L04906  
**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [ Sibuti ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah keputusan perbincangan bersama Kerajaan Vietnam mengenai isu pencerobohan kapal ikan di perairan Malaysia dan status Pasukan Khas yang ditubuhkan oleh pihak Kerajaan bagi menangani isu ini.
166. PR-1422-L05695  
**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan berkenaan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengawasi penyalahgunaan media sosial susulan kejadian bunuh diri oleh seorang remaja yang berumur 16 tahun berdasarkan undian yang diterimanya di media sosial Instagram baru-baru ini.
167. PR-1422-L04847  
**Tuan Haji Awang bin Hashim [ Pendang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada sekolah menengah persendirian Cina dan kolej universiti swasta Cina dari bulan Mei 2018 hingga bulan Mei 2019.
168. PR-1422-L05757  
**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan melaksanakan setiap rekomendasi dalam Laporan RCI Mengenai Pendatang Tanpa Izin di Sabah.

169. PR-1422-L04955  
**Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [ Jelebu ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapakah jumlah pelaburan asing yang dibawa keluar semula bagi tahun 2019 (sehingga suku kedua) dan apakah faktor yang menyebabkan perkara ini berlaku.
170. PR-1422-L04385  
**Tuan Hassan bin Abdul Karim [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk merangka pelan induk Kenderaan Elektrik (EV) supaya Malaysia bersedia untuk menghadapi perubahan di dalam industri kereta.
171. PR-1422-L05532  
**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [ Serian ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengawal merebaknya penyakit "*rabies*".
172. PR-1422-L05218  
**Tuan Chan Foong Hin [ Kota Kinabalu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan ahli-ahli, tugas-tugas Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS), termasuk Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Teknikal, yang ditubuhkan ekoran laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Pendatang Asing di Sabah pada 2014. Apakah rancangan dan tindakan telah dan bakal diambil JKPWAS bagi menangani isu dokumentasi dan pengurusan warga asing di Sabah.
173. PR-1422-L05583  
**Datuk Abd Rahim bin Bakri [ Kudat ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah kerja-kerja pembinaan SMK Bongkol, Pitas dapat dimulakan kerana sekolah ini amat diperlukan dan masyarakat di kawasan Kampung Bongkol dan sekitarnya berharap agar pembinaannya dapat dilaksanakan secepat mungkin.
174. PR-1422-L04517  
**Tuan Karupaiya A/L Mutusami [ Padang Serai ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan penjelasan terhadap langkah Kerajaan untuk menangani cabaran kelemahan ekonomi Malaysia dan memulihkan keyakinan pelabur terhadap ekonomi negara kita.

175. PR-1422-L05748

**Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu [ Tambun ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan kesan perang perdagangan antara Amerika Syarikat dan China setakat ini kepada ekonomi Malaysia dan langkah-langkah yang sedang dirancang dalam menangani cabaran mahupun potensi yang bakal diraih daripada isu global ini.

176. PR-1422-L04992

**Puan Vivian Wong Shir Yee [ Sandakan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah aktif yang akan diambil untuk menurunkan "*travel advisory*" yang kini dikenakan di pantai timur Sabah oleh negara asing.

177. PR-1422-L05521

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [ Ledang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dasar atau pendirian Kerajaan terhadap rakyat Malaysia yang berkunjung ke negara Israel.

178. PR-1422-L05134

**Puan Wong Shu Qi [ Kluang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan menambahkan mesin pemeriksaan bagasi di dewan ketibaan penumpang bas Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) memandangkan kekurangan mesin tersebut adalah salah satu punca kesesakan ketika musim puncak pelancongan.

**PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT**  
**MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN**  
**UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA**

1. **Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani**
  - \* Rang Undang-Undang Perikanan (Pindaan) 2019.

---

\* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. ( D.R. 12/2019 ) Rang Undang-Undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Pindaan) 2019 **Bacaan Kali Yang Kedua**  
**[ Menteri Belia Dan Sukan ]**
  
2. ( D.R 15/2019 ) Rang Undang-Undang Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2019 "  
**[ Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwat Pengguna ]**
  
3. ( D.R 13/2019 ) Rang Undang-Undang Perhimpunan Aman (Pindaan) 2019 "  
**[ Menteri Dalam Negeri ]**
  
4. ( D.R. 9/2019 ) Rang Undang-Undang Majlis Keselamatan Negara (Pindaan) 2019 "  
**[ Perdana Menteri ]**
  
5. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-  

"Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM22,000 juta wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama ke Kumpulan Wang Pembangunan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi maksud Kumpulan Wang tersebut."
  
6. PR-1422-U(27)050  
**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-  

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentangkan laporan mengenai tindakan-tindakan yang akan diambil daripada cadangan-cadangan penstrukturan semula dan pelan pemulihan terhadap syarikat penerbangan negara, Malaysia Airlines Berhad (MAB). Memandangkan MAB merupakan satu entiti perniagaan yang telah sekian lama menjadi kebanggaan dan maruah negara, maka adalah penting bagi rakyat Malaysia untuk mengetahui usaha-usaha penambahbaikan serta pembaharuan yang konstruktif dan menyeluruh yang dicadangkan dalam usaha memulihkan semula masa depan MAB. "

**[ Perdana Menteri ]**

7. PR-1422-U(27)051

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memaparkan Laporan Khas mengenai pelaksanaan projek tambakan laut di perairan selatan Pulau Pinang (PSR) yang dirangka menerusi Pelan Induk Pengangkutan (PIP) serta mengemukakan laporan mengenai tindakan-tindakan yang telah diambil daripada 18 nasihat oleh Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) dan ulasan jabatan teknikal yang berkaitan bagi memastikan pelaksanaan projek itu selari dengan Seksyen 2A(2)(b) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976. Berlandaskan prinsip ketelusan dan akauntabiliti, adalah menjadi keperluan kepada Kerajaan untuk mengemukakan laporan ini memandangkan projek ini memberikan implikasi yang besar terhadap alam sekitar, sosial dan kewangan."

**[ Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan ]**

8. PR-1422-U(27)052

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi penjelasan terhadap laporan pelaksanaan Pelan Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan Malaysia di bawah Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) yang dilancarkan pada Oktober 2018 dalam memperkasakan keharmonian masyarakat majmuk di Malaysia dengan mewujudkan pendekatan yang bersifat lebih holistik dan inklusif sekaligus membawa kepada pemahaman yang lebih baik antara komuniti yang berbeza serta mewujudkan kesepaduan sosial dan perpaduan negara yang lebih baik. Kerajaan perlu membentangkan serta membentuk ruang perbincangan dengan segera apakah syor yang disarankan melalui pelan ini benar-benar efektif dalam mengukuhkan jalinan perpaduan di negara ini."

**[ Perdana Menteri ]**

9. PR-1422-U(27)053

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi perhatian terhadap pembangunan dan meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat Orang Asli, seperti yang termaktub dalam Janji 38, Manifesto PH iaitu Membela Nasib Orang Asli di negara ini. Kerajaan perlu membentangkan cadangan Pelan Pembangunan Masyarakat Orang Asli Nasional bagi menangani isu utama dihadapi masyarakat Orang Asli di negara ini dan adalah kemestian bagi Kerajaan memastikan setiap gerak kerja dan usaha pembangunan yang dilaksanakan Kerajaan terhadap Orang Asli ini adalah sejajar dengan Pendekatan Berasaskan Hak Asasi Manusia (PBHAM). Ini adalah supaya setiap program pembangunan dan kebajikan yang dirancang mampu memberi faedah yang lebih menyeluruh kepada masyarakat Orang Asli di samping tidak mengeneppikan kepentingan dan memelihara perkara asas berkaitan mereka melalui prinsip IMABT (Keizinan Berasaskan Makluman, Awal, Bebas dan Telus)."

**[ Perdana Menteri ]**

10. PR-1422-U(27)054

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Agar institusi Parlimen menetapkan supaya satu Jawatankuasa Pilihan Khas ditubuhkan bagi meneliti semua pandangan rakyat Malaysia mengenai langkah Kerajaan untuk memansuhkan hukuman mati dalam 32 kesalahan melibatkan lapan perundangan negara atau yang terkini mungkin hanya memansuhkan hukuman mandatori sahaja."

"Dalam semangat Malaysia Baharu selepas 9 Mei, ianya menjadi satu tanggungjawab Kerajaan agar dapat menghormati pandangan setiap lapisan rakyat Malaysia terutamanya mengenai perkara memansuhkan hukuman mati yang juga melibatkan nyawa masyarakat termasuk perasaan keluarga mangsa atau keluarga tahanan hukuman mati. "

"Sekiranya pandangan rakyat ini tidak diteliti, Kerajaan Pakatan Harapan akan dilihat sebagai menafikan hak kebebasan bersuara mereka. Kerajaan juga perlu menyatakan pendirian dengan jelas, apakah alternatif lain yang akan diganti selepas pemansuhan hukuman mati ini dilaksanakan dan apakah ia mampu dijadikan sebagai langkah pencegahan atau sebaliknya. Kerajaan Pakatan Harapan perlu sedar bahawa kejayaan mereka menjadi Kerajaan hari ini adalah disebabkan kuasa dan suara rakyat."

**[ Perdana Menteri ]**

11. PR-1422-U(27)055

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Dewan ini menyeru agar Kerajaan dapat mendengar suara rakyat dan seterusnya membatalkan cadangan projek kereta nasional ketiga yang dijadualkan pelaksanaannya pada tahun 2020. Menteri Kewangan telah memberi jaminan pada Ogos 2018 bahawa projek kereta nasional ketiga tidak akan menggunakan wang rakyat. Namun, Menteri Pembangunan Usahawan telah mengumumkan peruntukan dana sebanyak RM20 juta pada Januari 2019 bagi membangunkan prototaip kereta nasional ketiga. Kos penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan juga penghasilan kereta nasional ketiga melibatkan pelaburan berbilion-bilion ringgit. Walaupun projek ini dimajukan oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) seperti SilTerra Malaysia Sdn. Bhd., ianya secara tidak langsung melibatkan wang rakyat kerana SilTerra Malaysia Sdn. Bhd. adalah milik Khazanah Nasional. Memandangkan situasi ekonomi negara yang tidak menentu, projek kereta nasional ketiga akan membebankan Kerajaan dan rakyat (khususnya pembeli kereta) sekiranya projek ini diteruskan. Adalah disarankan agar projek kereta nasional ketiga dibatalkan demi menjimatkan wang rakyat."

**[ Perdana Menteri ]**

12. PR-1422-U(27)056

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Menurut laporan media Sin Chew Daily bertarikh 19 Ogos 2018, Ketua Strategi PPBM Rais Hussin yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Penggubalan Manifesto Pakatan Harapan sebelum PRU14 telah mengumumkan bahawa semasa Buku Harapan (Manifesto PH untuk PRU14) dirangka, pra-syarat untuk menilai pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersepadu (Unified Examination Certificate–UEC) adalah kelulusan dalam 4 mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu, Sejarah, Matematik dan Sains di peringkat SPM."

"Akan tetapi, Kementerian Pendidikan setakat ini tidak pernah menjelaskan perkara tersebut yang banyak menimbulkan kekeliruan dan ianya berlainan nada dengan apa yang dijanjikan oleh Pakatan Harapan semasa PRU14, iaitu UEC dapat diiktiraf hanya dengan memperolehi kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM."

"Mantan Menteri Pelajaran iaitu Ahli Parlimen Pagoh telah mengarahkan semua universiti awam tempatan untuk menambah satu syarat am bagi kemasukan ke universiti awam iaitu sekurang-kurangnya lulus dalam mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM memandangkan mata pelajaran Sejarah telah menjadi mata pelajaran wajib lulus dalam SPM. Ini bermakna tanpa lulus mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM, seseorang calon itu tidak boleh memperolehi sijil SPM. Arahan tersebut berkuatkuasa sejak tahun 2013."

"Dewan ini mendesak Kementerian Pendidikan untuk menjelaskan sama ada mata pelajaran Sejarah, Matematik dan Sains di peringkat SPM masih diambil kira sebagai pra-syarat pengiktirafan UEC seperti yang dikatakan oleh Rais Hussin. Sekiranya kenyataan Rais Hussin itu benar, maka Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) perlu melakukan penyelarasan dasar baru bagi mengatasi kekangan syarat kemasukan pelajar UEC ke universiti awam tempatan. Kementerian Pendidikan mesti mempunyai pendirian yang jelas dalam perkara ini dan tidak boleh berdolak-dalik."

"Selaras dengan manifesto Pakatan Harapan, Kementerian Pendidikan harus memberi pengiktirafan segera ke atas pelajar UEC seperti mana yang dijanjikan oleh YB Kulai merangkap Timbalan Menteri Pendidikan semasa berkempen di PRU 14 dan dalam rakaman video beliau pada 9 April 2018 yang dimuat naik ke "Youtube", di mana beliau mengatakan Pakatan Harapan sudah mempunyai "hitam putih" untuk mengiktiraf UEC sebaik sahaja Pakatan Harapan menjadi Kerajaan."

**[ Menteri Pendidikan ]**

13. PR-1422-U(27)057

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Dewan ini menyeru agar Kerajaan dapat meneruskan projek pembinaan 10 buah SJKC baru dan perpindahan 6 buah SJKC kurang murid yang telah diluluskan oleh Kerajaan pada 26 Oktober 2017, termasuk mengekalkan 10 nama sekolah baru yang telah diluluskan."

"Kerajaan sepatutnya menyiapkan projek tersebut dalam masa 5 tahun dengan peruntukan RM20 juta setiap tahun (jumlah keseluruhannya RM100 juta) seperti yang telah dijanjikan oleh Kerajaan terdahulu."

"Tetapi malangnya, pelaksanaan projek tersebut agak lambat dan tiada perkembangan yang signifikan. Dengan itu, mengharapkan Dewan ini mengambil maklum perkara ini dan mendesak Kerajaan Pakatan Harapan mempercepatkan proses pembinaan 10 buah SJKC baru dan perpindahan 6 buah SJKC kurang murid ke kawasan yang lebih padat penduduk Cina."

"Seperti yang dijanjikan oleh YB Menteri Pendidikan pada 28 Jun 2018, SJKC Kuek Ho Yao di Seri Austin, Johor Bahru dan SJKC Sim Mow Yu di Masai, Johor akan tetap didirikan memandangkan upacara pecah tanah sekolah telah disempurnakan pada tahun 2018, iaitu sebelum PRU 14. Maka, Kementerian Pendidikan sepatutnya rasa terpanggil untuk menyalurkan peruntukan sekurang-kurangnya RM7 juta untuk menanggung kos pembinaan setiap SJKC yang dinamakan di atas."

**[ Menteri Pendidikan ]**

14. PR-1422-U(27)058

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Dewan ini menggesa Kerajaan supaya dapat memberikan peruntukan yang sama rata kepada Ahli Parlimen tanpa mengira fahaman politik. Ini kerana, Ahli Parlimen Kerajaan di Semenanjung Malaysia telah diberi peruntukan sebanyak RM1,000,000 iaitu RM300,000 untuk operasi Pusat Khidmat dan RM700,000 bagi peruntukan kawasan pada tahun 2018. Manakala tahun 2019, Ahli Parlimen Kerajaan diperuntukkan RM1,800,000 iaitu RM300,000 untuk operasi Pusat Khidmat dan RM1,500,000 bagi peruntukan kawasan. Sementara Ahli Parlimen pembangkang hanya diberikan RM100,000 sahaja bagi tahun 2018 dan tidak menerima apa-apa peruntukan untuk tahun 2019. Ini merupakan satu bentuk diskriminasi yang amat ketara."

"Gesaan ini selari dengan semangat 'Malaysia Baharu' dan hasrat badan bebas (NGO) seperti BERSIH yang mahu memastikan tiada istilah diskriminasi dalam negara dan semua pengundi harus dilayan dengan adil dan saksama. Malah, perkara ini juga diperjuangkan oleh pemimpin Kerajaan hari ini ketika bergelar pembangkang suatu ketika dahulu. Dalam masa sama, semangat 'Malaysia Baharu' ini juga yang menuntut kesuburan demokrasi. Prinsip keadilan ini akan dijadikan sebagai penanda aras dan seterusnya diteladani oleh Kerajaan negeri yang lain di Malaysia tanpa mengira parti mana yang memerintah."

**[ Perdana Menteri ]**

15. PR-1422-U(27)059

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan perancangan jangka masa panjang yang menyeluruh dalam memastikan setiap dasar dan polisi Kerajaan di semua peringkat mempunyai tahap kefahaman mengenai institusi raja atau raja berpelembagaan yang kukuh seterusnya menyemai kefahaman yang sebenar dalam kalangan rakyat di negara ini. Sejak kebelakangan ini banyak kekeliruan berlaku khususnya dalam kalangan anak-anak muda berkenaan dengan bagaimana kuasa institusi raja diamalkan dan ramai dibesarkan dengan fahaman bahawa Raja Melayu bertindak atas nasihat sebenarnya tidak memahami maksud sebenar. Perkataan nasihat itu sering disalah erti kerana perkataan dalam perlembagaan dalam versi Bahasa Inggeris, kita guna "*advice*" yang membawa maksud perkara yang baik-baik. Ia adalah bertentangan kepada perkataan "*vice*". Raja juga perlu menerima nasihat yang baik-baik. Ini kerana dalam perlembagaan diberikan hak kepada raja-raja untuk meminta maklumat daripada Kerajaan tentang institusi semasa negeri. Baginda berhak. Perkara tersebut ada ditulis dalam perkara 40 (1) walaupun bertindak atas nasihat tetapi baginda mempunyai hak untuk mengetahui tentang hal ehwal semasa negeri. Selain itu terdapat polemik berkaitan istilah raja sebagai simbol. Apabila simbol, raja perlu bertindak atas nasihat tanpa mengambil kira peruntukan dalam perlembagaan yang memberikan kuasa budi bicara yang mutlak kepada raja-raja. Maknanya ada lagi ciri-ciri yang dikatakan budi bicara kepada raja itu. Dalam Perkara 181 Perlembagaan Persekutuan menyebut kedaulatan raja adalah kekal sebagaimana sebelum ini. Apabila menyatakan raja-raja itu mempunyai kedaulatan, baginda mempunyai kuasa dan kekuasaan. Perkataan kedaulatan itu menyatakan tentang ada kedaulatan, kuasa dan kekuasaan. Kalau ada kedaulatan tetapi perlembagaan tidak memberikan baginda kuasa, maka tidak ada kekuasaan dan ia tidak bererti. Tetapi, raja berpelembagaan walaupun bertindak dalam kebanyakan perkara atas nasihat tetapi ada ruang-ruang diberikan kepada baginda menerusi perlembagaan. Apabila telah mantap dengan asas kenegaraan ini, baharulah institusi raja berpelembagaan dapat difahami dengan mantap. Institusi beraja ini tidak boleh dibicarakan secara bermusim, ia perlu setiap masa dan dihayati oleh setiap rakyat. "

**[ Perdana Menteri ]**

16. PR-1422-U(27)060

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan secara menyeluruh dan terperinci berkenaan Laporan Rumusan Jawatankuasa Eksekutif Penilaian Operasi LYNAS yang telah dikeluarkan pada 8 Disember 2018 yang lalu. Pembentangan ini amat penting supaya rakyat memahami dengan jelas apakah yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa tersebut untuk tindakan seterusnya. Laporan ini juga sekaligus akan meleraikan setiap kenyataan-kenyataan anggota pentadbiran Kerajaan dan pelbagai pihak berkepentingan yang bercanggah dan mengelirukan. Laporan rumusan ini juga akan menjadi rujukan utama untuk platform analisis bagi semakan sama ada tindakan Kementerian berhubung operasi LYNAS selari dengan kandungan rumusan laporan tersebut."

**[ Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim ]**

17. PR-1422-U(27)061

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan menyatakan pendirian terhadap desakan antarabangsa yang berterusan kepada Malaysia untuk menandatangani dan meratifikasi semua perjanjian antarabangsa mengenai hak asasi manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Kerajaan tanpa campur tangan kuasa asing perlu mempunyai pendirian yang jelas dan tidak bercelaru kerana setiap negara mempunyai hak sama ada untuk turut serta atau sebaliknya dalam setiap perjanjian antarabangsa kerana tidak kira kuasa besar atau kecil, keutamaan negara individu adalah berbeza diantara satu sama lain. Menjadi prinsip kebanyakan negara terutamanya kuasa besar dunia akan hanya mengesahkan perjanjian antarabangsa jika ia tidak menongkah arus kehendak Perlembagaan sesuatu negara iaitu kepentingan rakyat dan negara mereka diutamakan. Dalam hal ini, Perlembagaan Persekutuan harus dijadikan rujukan utama buat Malaysia dalam membuat apa-apa keputusan. Seperti mana keenganan negara-negara kuasa besar dunia mengesahkan perjanjian-perjanjian hak asasi ini perlu dijadikan perhatian oleh Kerajaan Malaysia kerana asas utama keenganan negara-negara besar ini ialah mereka amat kluatir konvensyen tersebut akan menghakis kedaulatan negara mereka. Pendirian berkenaan perjanjian antarabangsa memerlukan kefahaman tentang pemakian undang-undang antarabangsa dalam sistem perundangan Malaysia. Pemahaman terhadap teori penerimaan dan pemakian undang-undang antarabangsa dalam suatu negara iaitu Doktrin Diperbadankan (*Doctrine of Incorporation*) dan Doktrin Transformasi (*Doctrine of Transformation*) perlu jelas dan difahami secara mendalam terlebih dahulu. Perkara 74 dan Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan memberikan kesan bahawa kuasa untuk membuat atau menandatangani dan meratifikasi triti atau perjanjian di peringkat antarabangsa adalah terletak di bawah bidang kuasa Persekutuan.

la juga menunjukkan bahawa Badan Eksekutif mempunyai kuasa untuk membuat perjanjian antarabangsa atau menandatangani apa-apa perjanjian antarabangsa, manakala kuasa untuk menguatkuasakan undang-undang antarabangsa tersebut adalah terletak hak kepada Parlimen. Prinsip yang harus Kerajaan nyatakan dengan jelas adalah kedaulatan negara dan kepentingan rakyat masing-masing mesti didahulukan walaupun negara terbabit akan dituduh sebagai tidak menghormati suara majoriti masyarakat antarabangsa."

**[ Menteri Luar Negeri ]**

18. PR-1422-U(27)062

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan mewujudkan dasar yang jelas serta dan polisi yang lengkap berkenaan menetapkan harga lantai bagi sektor komoditi di negara ini. Kerajaan perlu mempunyai mekanisme yang kukuh dalam menstabilkan harga sektor komoditi di negara ini yang merangkumi industri sawit, industri getah, industri koko, industri lada dan industri tembakau. Dengan melaksanakan penetapan harga subsidi atau harga lantai bagi setiap industri komoditi ini akan memastikan nasib peneroka dan pekebun kecil terbela melalui jaminan harga industri yang jelas dan kukuh pada setiap masa. Kerajaan harus menggunakan semua platform seperti agensi Lembaga Getah Malaysia, Lembaga Minyak Sawit Malaysia, Lembaga Koko Malaysia, Lembaga Lada Malaysia, Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara serta agensi-agensi antarabangsa yang memainkan peranan besar dalam menyelaraskan sektor komoditi. Kerajaan juga perlu menyediakan pelan-pelan sokongan dan bantuan bagi jangka masa panjang bagi memastikan mereka yang terlibat terutamanya peneroka dan pekebun kecil tidak terjejas dan tidak terlalu bergantung kepada harga pasaran dunia."

**[ Menteri Industri Utama ]**

19. PR-1422-U(27)063

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan menubuhkan sebuah jawatankuasa bagi mengkaji dan membentangkan perancangan model pendidikan jangka masa panjang menyeluruh yang akan menyelesaikan masalah polarisasi kaum yang semakin menebal dalam kalangan anak muda di negara ini. Model pendidikan jangka masa panjang ini perlu merangkumi keseluruhan aspek pembelajaran termasuk komponen subjek akademik, komponen kerohanian dan komponen etnik tanpa membelakangi peruntukkan yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dan semangat Rukun Negara. Masalah polarisasi kaum akan dilihat semakin serius jika perancangan ini tidak dilakukan segera. Apabila model pendidikan daripada peringkat awal pembelajaran tidak dapat mencapai tahap toleransi semua kaum dan semangat kenegaraan semakin lemah dalam kalangan anak muda, potensi untuk membangunkan negara bangsa mengikut acuan kita sendiri akan terencat dan keharmonian serta kesejahteraan negara juga akan terancam."

**[ Menteri Pendidikan ]**

20. PR-1422-U(27)047

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan :-

"mencadangkan Kerajaan supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 61 tahun lalu supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan serta memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasikan Impian Negaraku Malaysia Baharu selepas PRU-14."

**[ Perdana Menteri ]**

21. PR-1422-U(27)048

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan :-

"memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan seluruh negara supaya urus tadbir Kerajaan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

**[ Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan ]**

22. PR-1422-U(27)049

**Tuan Khoo Poay Tiong [ Kota Melaka ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini bersetuju untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (JPKP) mengenai Pilihan Raya, supaya JPKP tersebut boleh menyiasat aduan mengenai salah laku-salah laku bekas ahli-ahli Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dalam pilihan raya umum yang lepas; dan Parlimen mempunyai sebuah platform bebas tersendiri untuk memantau dan menerima laporan daripada SPR secara berterusan."

**[ Perdana Menteri ]**

**\*\*UCAPAN  
( PERATURAN MESYUARAT 17 )  
( KAMAR KHAS )**

<b>Tarikh Ucapan</b>	<b>Ahli Yang Berucap</b>	<b>Tajuk Ucapan</b>	<b>Menteri Yang Bertanggungjawab</b>
1. 03.07.2019 (Rabu)	1. YB Tuan Kesavan A/L Subramaniam (Sungai Siput)	1. Status Tapak Dan Kerosakan Balai Polis Simpang Jalong, Ibu Pejabat Polis Daerah Sg. Siput, Sg. Siput (U), Perak	1. YB Menteri Dalam Negeri
2. 03.07.2019 (Rabu)	2. YB Tuan Mohd Shahar bin Abdullah (Paya Besar)	2. Pembinaan Institusi Pendidikan Awam Baharu : Sebuah Sekolah Rendah Kebangsaan (SK) Di Kawasan Gambang	2. YB Menteri Pendidikan

**\*\* Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**